

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1997/98

September 1997

SEU323/SEW413 - Ekonomi Kewangan

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Calon-calon boleh menjawab dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris. Bagi mereka yang menjawab dalam Bahasa Inggeris, sekurang-kurangnya satu soalan mesti dijawab dalam Bahasa Malaysia.

Jawab **SEMUA** soalan dalam Bahagian A, dan mana-mana **DUA** (2) soalan dari Bahagian B.
[Section A is COMPULSORY. Choose any TWO (2) questions from Section B.]

Bahagian A *[Section A]*

Jawab **SEMUA** soalan. *[Answer ALL questions]*

1. (a) Terdapat lima unsur utama dalam teori kuantiti wang klasik. Namakan unsur-unsur tersebut. Jelaskan.

[There are five main elements of classical quantity theory. What are these elements? Explain.]

(10 markah)

- (b) Permintaan terhadap wang, mengikut Milton Friedman adalah dipengaruhi oleh lima pembolehubah utama. Huraikan pembolehubah-pembolehubah tersebut.

[Demand for money, according to Milton Friedman, is influenced by five main variables. Analyse these variables.]

(10 markah)

...2/-

- (c) Teliti kenyataan-kenyataan berikut:

- (i) Wang penting
(ii) Wang tidak penting.

[Examine the following statements:

- (i) Money matters
(ii) Money does not matter.]

(10 markah)

- (d) Andaikan kadar bunga meningkat daripada 2 peratus kepada 4 peratus. Apakah perubahan yang akan berlaku ke atas alokasi portfolio mengikut model Tobin. Huraikan dengan mengemukakan gambarajah yang sesuai.

[Assume that rate of interest goes up from 2 percent to 4 percent. What change will it bring to portfolio allocation in Tobin model? Explain with diagram.]

(10 markah)

- (e) Dasar kewangan hanya boleh mencapai satu objektif sahaja pada satu masa, sama ada gunatenaga penuh atau imbalan pembayaran dan tidak kedua-duanya sekali. Jelaskan dengan bantuan gambarajah.

[Monetary policy can achieve only one objective at a time, either full employment or balance of payments and not both. Substantiate with the help of diagram.]

(10 markah)

- (f) Ada empat madzhab utama berhubung dengan konsep wang. Huraikan.

[There are mainly four schools of thought on the concept of money. Explain.]

(10 markah)

Bahagian B /Section B

Jawab mana-mana DUA (2) soalan sahaja. [Answer any TWO (2) questions only.]

2. Bincangkan cara Pesek dan Saving membezakan di antara eset wang dan eset hampir-wang. Katakan ada dua eset hampir-wang, satu ialah kopon kadar bunga 10%, manakala yang satu lagi ialah kopon kadar bunga 20%. Yang mana satukah merupakan eset lebih cair? Kenapa?

[Discuss how Pesek and Saving distinguish between money and near-money assets. Suppose there are two near money assets, one with 10% and the other with 20% coupon interest rates. Which one is more liquid asset and why?]

(20 markah)

3. Terbitkan pengganda wang dan tunjukkan kepentingannya dalam penawaran wang. Jika nilai wang berkuasa tinggi merosot tetapi nilai pengganda wang meningkat, adakah penawaran wang akan meningkat? Terangkan dengan contoh-contoh yang sesuai.

[Derive money multiplier and show its importance in money supply. If the value of high powered money goes down but the value of money multiplier goes up, will money supply go up? Explain with examples.]

(20 markah)

4. Terangkan model Mundell. Bagaimanakah anda akan menggunakannya dalam kes Malaysia.

[Explain Mundell model. How will you apply it in the case of Malaysia?]

(20 markah)